

18 JUN 2003

MAJLIS TERTINGGI SARAN LANTIK PEMBANTU PENERUSI TETAP ESOK

KUALA LUMPUR, 18 Jun (Bernama) -- Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini berkata Majlis Tertinggi (MT) Umno telah mencadangkan supaya seorang pembantu pengerusi tetap dilantik untuk menolong Timbalan Pengerusi Tetap menguruskan Perhimpunan Agung parti yang bermula esok.

Beliau berkata ia berdasarkan keperluan yang memperuntukkan seorang pengganti sementara dilantik sekiranya salah seorang daripada Pengerusi Tetap atau Timbalan Pengerusi Tetap tidak dapat menguruskan mesyuarat itu.

"Dan kita telah dapati kalau Timbalan Pengerusi Tetap...kalau tak ada Pengerusi dan Timbalan Pengerusi Tetap jadi pengerusi, dia terpaksa ada pengganti," katanya kepada pemberita selepas menguruskan mesyuarat MT di sini.

Perdana Menteri berkata demikian sebagai mengulas mengenai mesyuarat MT malam ini yang membincangkan persiapan mengenai Perhimpunan Agung selama tiga hari itu.

Timbalan Pengerusi Tetap Datuk Onn Ismail akan mengambil alih tempat Pengerusi Tetap Tun Sulaiman Ninam Shah yang uzur dan tidak dapat menguruskan perhimpunan itu.

Dr Mahathir berkata MT telah memutuskan untuk melantik Timbalan Speaker Dewan Rakyat Datuk Muhammad Abdullah sebagai pembantu sementara pengerusi.

"Jadi kita telah syorkan supaya pada esok hari kita mengurus pelantikan pembantu sementara pengerusi dan kita bersetuju supaya Datuk Muhammad Abdullah dari Pahang...Timbalan Speaker Dewan Rakyat. Ini akan diluluskan oleh Setiausaha Agung esok hari," kata beliau.

Mengulas mengenai mesyuarat malam ini, Dr Mahathir berkata MT telah mendengar laporan wakil-wakil MT yang menghadiri perhimpunan Pemuda, Wanita dan Puteri Umno hari ini serta mempertimbangkan usul-usul yang akan dibahaskan.

Beliau berkata laporan yang diterima adalah baik belaka, dan wakil MT berkenaan berasa kagum dengan semangat yang ditunjukkan oleh perwakilan.

"Semua perwakilan tidak tinggal tempat mereka sama sekali dan ada sama sepanjang masa dan membuat ucapan-ucapan yang bernas, yang bersemangat dan mencerminkan semangat yang kuat, luar biasa bagi tahun ini berbanding tahun-tahun lepas," katanya.

Selain itu Dr Mahathir berkata terdapat kelainan pada perhimpunan kali ini kerana buat pertama kali ahli MT akan turut berucap membahaskan usul Ucapan Dasar Presiden.

"Mengenai perbahasan usul Ucapan Dasar Presiden yang akan disertai tahun ini lain sikit kerana yang akan bercakap ialah ketua-ketua perhubungan, ketua-ketua perhubungan ini adalah juga ahli MT," katanya

Dr Mahathir berkata sebelum ini ahli MT hanya memberi jawapan penggulangan.

Beliau berkata usul ekonomi akan dibawa oleh wakil Wanita Umno dan disokong oleh wakil Kelantan, manakala bagi usul pendidikan dan agama akan dibawa oleh wakil Johor dan disokong oleh wakil Selangor.

-- BERNAMA

NM SHO HS KHY MOZ